



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

07 Ramadhan 1441 / 01 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 07 Ramadhan 1441H bersamaan 01 Mei 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **tidak ada kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kekal kepada 124 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **13 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **58 orang** masih menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah seramai **2,517 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 137 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 13,717 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **tidak ada kes** yang sedemikian disahkan pada hari ini. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini seramai **22 orang** di mana **6 orang masih** menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Sebagaimana beberapa kajian di beberapa buah negara mengenai pesakit-pesakit COVID-19 yang didapati positif semula selepas disahkan sembuh, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa setakat ini belum ada bukti yang menunjukkan mereka ini boleh lagi menjangkiti orang lain. Bagi

pesakit-pesakit sedemikian di negara ini, Kementerian Kesihatan mempunyai tatacara yang jelas dan komprehensif bagi memberikan rawatan susulan. Mana-mana pesakit yang didapati positif semula selepas disahkan sembuh akan dimasukkan ke Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi siasatan dan rawatan lanjut dan seterusnya akan diarahkan untuk menjalani pengasingan diri bagi tempoh 14 hari lagi apabila dibenarkan pulang bagi kali kedua dari Pusat tersebut. Oleh yang demikian, orang ramai tidak perlu risau mengenai risiko jangkitan daripada bekas-bekas pesakit ini; mereka boleh kembali kepada kehidupan sediakala dan boleh kembali berkerja seperti biasa sebaik saja menamatkan tempoh pengasingan. Oleh itu, para majikan tidak perlu mengambil tindakan-tindakan seperti memaksa mereka untuk mengambil cuti tanpa gaji atau mengasingkan mereka daripada orang lain. Memadailah dengan memastikan langkah-langkah kewaspadaan umum dilakukan di tempat kerja oleh semua pegawai dan kakitangan seperti menjaga kebersihan diri, kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman serta mengamalkan penjarakan fizikal (*physical distancing*). Elakkan dari mendiskriminasikan bekas-bekas pesakit ini.

7. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn**

atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

Selamat menunaikan ibadah puasa. Semoga kita semua dirahmati di bulan Ramadhan yang mulia ini dan segala amalan kita di terima

Allah Subhanahu WaTa'Ala jua. Aamiin Ya Rabbal Alamiin

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Ramadhan 1441H / 01 Mei 2020